PRESS RELEASE

FOR IMMEDIATE RELEASE

24 NOVEMBER 2026

Wasco Reports Q3 FY2026 Results, Secures RM563.1 Million in New Contracts

Highest Quarterly Order Intake In FY2026 Lifts Secured Order Book To RM2.6 Billion

KUALA LUMPUR, 24 November — Wasco Berhad ("Wasco" or "the Group"), an integrated energy infrastructure solutions provider, secured RM563.1 million in new contracts and variation orders during the third quarter ended 30 September 2026 ("Q3 FY2026"), its highest quarterly order intake for the year, bringing its secured order book to RM2.6 billion.

For the quarter under review, the Group recorded revenue of RM421.3 million, Earnings Before Interest, Tax, Depreciation and Amortisation ("EBITDA") of RM60.6 million, Profit Before Tax ("PBT") of RM42.4 million and Profit Before Tax and Minority Interest ("PATMI") of RM29.6 million.

For the nine months ended 30 September 2026 ("9M FY2026"), revenue stood at RM1.4 billion, while EBITDA and PBT amounted to RM172.1 million and RM97.2 million, respectively. PATMI was RM72.1 million. The Group's reported profitability included one-off gains from the disposal of investments in Australia and Canada.

Segmental Performance

The Energy Services segment, comprising Pipeline Services and Engineering & Fabrication Services, recorded revenue of RM362.5 million and PBT of RM40.2 million for Q3 FY2026, bringing its nine-month revenue and PBT to approximately RM1.2 billion and RM118.1 million, respectively.

Performance was affected by slower execution of certain secured projects within Pipeline Services, as supply-chain disruptions arising from the prolonged conflict in the Middle East continued to affect customers' schedules and the timing of revenue recognition.

Bioenergy Services recorded revenue of RM58.8 million and PBT of RM3.2 million for Q3 FY2026. For the nine-month period, the segment generated revenue of RM173.9 million and PBT of

RM13.9 million, reflecting lower engineering, procurement, construction and commissioning ("EPCC") activities and continued pressure on gross profit margins.

The segment delivered 44 turbine units during the nine months and secured new biomass boiler contracts. Its ongoing portfolio includes steam utility and biomass boiler projects, with activity levels expected to normalise in the coming quarters.

Order Book and Operating Outlook

Contract awards accelerated over the first nine months of FY2026, rising from RM203.4 million in the first quarter to RM391.0 million in the second quarter and RM563.1 million in the third.

The latest awards span pipeline coating works for offshore and onshore energy developments, LNG-related infrastructure, and specialised engineering and fabrication scopes for gas processing and sustainable aviation fuel applications.

Beyond its secured order book, Wasco's tender book stood at approximately RM11.4 billion as at 30 September 2026, representing more than four times the value of its existing contracted work and providing a substantial pipeline of potential opportunities across its businesses.

The global energy industry continues to navigate geopolitical uncertainty, commodity price volatility, and supply chain constraints. At the same time, investment in offshore production, natural gas processing and energy transportation infrastructure continues to provide opportunities for the Group's existing operations.

"The new contracts secured during the quarter reflect continued investment in energy infrastructure and sustained demand for our capabilities. Our focus remains on progressing our secured workload and translating these awards into revenue and cash flow," said **Gian Carlo Maccagno, Managing Director and Group Chief Executive Officer of Wasco Berhad.**

"Against a backdrop of prolonged geopolitical tensions and uncertainty in the global operating environment, operational efficiency, cost discipline and effective project execution remain central to our priorities."

Portfolio Strategy and Proposed Divestment

Alongside its operational priorities, Wasco continues to advance its broader portfolio and capital allocation strategy.

Subsequent to the reporting period, the Group entered into a Conditional Sale and Purchase Agreement ("SPA") with NMDC Energy PJSC ("NMDC Energy") on 20 November 2026 for the proposed divestment of its Engineering and Fabrication Division ("EFD") for a total cash consideration of RM782.2 million.

The proposed transaction represents a significant step in reshaping the Group's business portfolio, realising the value built within EFD while providing greater financial flexibility to pursue investment opportunities aimed at improving earnings stability and building a more recurring earnings base over the longer term.

Wasco intends to return a portion of the proceeds to shareholders through an indicative special dividend of 30.0 sen per share, with part of the remaining proceeds earmarked for selective mergers and acquisitions aligned with the Group's longer-term earnings strategy.

Pipeline Services will continue to form an important part of Wasco's operations, while Wasco Greenergy, its separately listed bioenergy arm, continues to pursue its own growth.

"The proposed divestment reflects our assessment of how capital can be deployed to create greater long-term value for shareholders. As we develop our existing businesses and evaluate new investment opportunities, we will remain selective, with an emphasis on strategic fit, earnings quality and sustainable returns," Maccagno added.

The proposed transaction remains subject to shareholder approval and the fulfilment of other conditions precedent under the agreement, with completion expected by the first quarter of 2027. Until completion, EFD remains part of the Group and will continue to operate in the ordinary course of business.

-ends-

About Wasco Berhad

Wasco Berhad is a global energy infrastructure solutions provider with operations across 11 countries. The Group's core businesses span pipeline services, engineering and fabrication services, and bioenergy solutions, supporting both conventional and transition-linked energy infrastructure developments globally.

Wasco's integrated platform combines engineering expertise, fabrication capabilities, and specialised infrastructure solutions to support the delivery of complex energy projects across multiple stages of the energy value chain.

For more information, visit www.wascoenergy.com

Issued by **Wasco Berhad**. For media enquiries, please contact Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com / +60 12-340 9438) or Natasha Brand (natasha.brand@wascoenergy.com / +60 16-916 8598).

24 NOVEMBER 2026

Wasco Umum Keputusan Kewangan Suku Ketiga TK2026, Raih Kontrak Baharu Bernilai RM563.1 Juta

Nilai Kontrak Dalam Tangan Meningkat Kepada RM2.6 Bilion Susulan Perolehan Kontrak Suku Tahunan Tertinggi Bagi TK2026

KUALA LUMPUR, 24 November – Wasco Berhad ("Wasco" atau "Kumpulan"), penyedia penyelesaian infrastruktur tenaga bersepadu, memperoleh kontrak baharu dan arahan perubahan kerja bernilai RM563.1 juta bagi suku ketiga berakhir 30 September 2026 ("S3 TK2026"), sekali gus mencatatkan perolehan kontrak suku tahunan tertinggi bagi tahun kewangan tersebut dan meningkatkan nilai buku pesanan terjaminnya kepada RM2.6 bilion.

Bagi suku tahun dalam tinjauan, Kumpulan mencatatkan hasil sebanyak RM421.3 juta, Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan ("EBITDA") sebanyak RM60.6 juta, Keuntungan Sebelum Cukai ("PBT") sebanyak RM42.4 juta, manakala Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti ("PATMI") adalah sebanyak RM29.6 juta.

Bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2026 ("9B TK2026"), hasil Kumpulan berjumlah RM1.4 bilion, manakala EBITDA dan PBT masing-masing mencatatkan RM172.1 juta dan RM97.2 juta. PATMI bagi tempoh tersebut berjumlah RM72.1 juta, dengan keuntungan yang dilaporkan turut mengambil kira keuntungan sekali sahaja hasil pelupusan pelaburan di Australia dan Kanada.

Prestasi Mengikut Segmen

Segmen Perkhidmatan Tenaga, yang merangkumi Perkhidmatan Saluran Paip serta Perkhidmatan Kejuruteraan dan Fabrikasi, mencatatkan hasil sebanyak RM362.5 juta dan PBT sebanyak RM40.2 juta bagi S3 TK2026. Secara terkumpul, hasil segmen itu bagi tempoh sembilan bulan mencecah kira-kira RM1.2 bilion, manakala PBT berjumlah RM118.1 juta.

Prestasi Perkhidmatan Saluran Paip dipengaruhi oleh kelewatan pelaksanaan beberapa projek susulan gangguan rantaian bekalan yang berpunca daripada konflik berpanjangan di

Asia Barat. Keadaan ini turut menjejaskan jadual pelaksanaan projek pelanggan dan masa pengiktirafan hasil.

Segmen Perkhidmatan Biotenaga mencatatkan hasil sebanyak RM58.8 juta dan PBT sebanyak RM3.2 juta bagi S3 TK2026. Bagi tempoh sembilan bulan, segmen itu menjana hasil sebanyak RM173.9 juta dan PBT sebanyak RM13.9 juta, mencerminkan aktiviti kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan ("EPCC") yang lebih rendah serta tekanan berterusan terhadap margin keuntungan kasar.

Dalam tempoh yang sama, sebanyak 44 unit turbin telah diserahkan kepada pelanggan, di samping perolehan kontrak baharu bagi dandang biojisim. Portfolio projek semasa turut merangkumi kemudahan utiliti stim dan dandang biojisim, dengan tahap aktiviti dijangka kembali normal dalam suku-suku tahun akan datang.

Buku Pesanan dan Prospek Operasi

Perolehan kontrak meningkat pesat sepanjang sembilan bulan pertama TK2026, dengan nilai kontrak yang diperoleh meningkat daripada RM203.4 juta pada suku pertama kepada RM391.0 juta pada suku kedua, sebelum mencecah RM563.1 juta pada suku ketiga.

Kontrak terbaharu yang diperoleh merangkumi kerja-kerja saduran paip bagi projek pembangunan tenaga luar pesisir dan daratan, infrastruktur berkaitan gas asli cecair ("LNG"), serta kerja kejuruteraan dan fabrikasi khusus bagi kemudahan pemprosesan gas dan aplikasi bahan api penerbangan mampan.

Di samping kontrak yang telah diperoleh, Wasco mempunyai portfolio tender bernilai kira-kira RM11.4 bilion setakat 30 September 2026, iaitu lebih empat kali ganda nilai kontrak dalam tangan. Portfolio ini menyediakan peluang kepada Kumpulan untuk memperoleh projek baharu dalam pelbagai bidang perniagaannya.

Walaupun industri tenaga global terus berdepan ketidaktentuan geopolitik, turun naik harga komoditi, dan gangguan rantaian bekalan, pelaburan dalam pembangunan pengeluaran luar pesisir, pemprosesan gas asli, dan infrastruktur pengangkutan tenaga masih diteruskan. Perkembangan ini dijangka akan terus menyediakan peluang perniagaan kepada Wasco, khususnya dalam bidang yang menjadi teras operasinya.

"Kontrak baharu yang diperoleh pada suku tahun ini mencerminkan pelaburan berterusan dalam pembangunan infrastruktur tenaga, sekali gus memperkukuh kedudukan kami dalam industri dan menunjukkan keyakinan pelanggan terhadap kepakaran kami. Tumpuan kami kini

adalah memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar agar kontrak yang diperoleh dapat menyumbang kepada hasil dan aliran tunai Kumpulan," kata **Gian Carlo Maccagno, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wasco Berhad.**

"Dalam menghadapi ketegangan geopolitik yang berpanjangan serta ketidaktentuan dalam persekitaran perniagaan global, kecekapan operasi, pengurusan kos yang berdisiplin dan pelaksanaan projek yang berkesan kekal menjadi keutamaan kami."

Strategi Portfolio dan Cadangan Pelupusan

Di samping memberi tumpuan kepada prestasi operasi, Wasco terus melaksanakan strategi pengurusan portfolio perniagaan dan peruntukan modalnya.

Selepas berakhirnya tempoh pelaporan, Kumpulan memeterai Perjanjian Jual Beli Bersyarat ("SPA") dengan NMDC Energy PJSC ("NMDC Energy") pada 20 November 2026 bagi cadangan pelupusan Bahagian Kejuruteraan dan Fabrikasi ("EFD") dengan pertimbangan tunai keseluruhan berjumlah RM782.2 juta.

Cadangan pelupusan ini merupakan langkah penting dalam penyusunan semula portfolio perniagaan Kumpulan bagi merealisasikan nilai yang telah dibangunkan menerusi EFD. Urus niaga ini juga akan memberikan fleksibiliti kewangan yang lebih besar kepada Wasco untuk meneroka peluang pelaburan bagi meningkatkan kestabilan pendapatan serta membina asas pendapatan berulang dalam jangka panjang.

Wasco berhasrat mengagihkan sebahagian daripada hasil pelupusan kepada pemegang saham menerusi dividen khas indikatif sebanyak 30.0 sen sesaham, manakala sebahagian daripada baki hasil pelupusan akan diperuntukkan bagi penggabungan dan pengambilalihan secara terpilih, selaras dengan strategi pendapatan jangka panjang Kumpulan.

Perniagaan Perkhidmatan Saluran Paip akan kekal sebagai bahagian penting dalam operasi Wasco, manakala Wasco Greenergy, anak syarikat biotenaga Kumpulan yang disenaraikan secara berasingan, akan terus melaksanakan strategi pertumbuhannya sendiri.

"Cadangan pelupusan ini mencerminkan penilaian kami terhadap kaedah terbaik untuk memanfaatkan modal bagi meningkatkan nilai jangka panjang kepada pemegang saham. Dalam mengembangkan perniagaan sedia ada dan menilai peluang pelaburan baharu, kami akan terus bersikap selektif dengan mengutamakan kesesuaian strategik, kualiti pendapatan serta pulangan yang mampan," tambah Maccagno.

Cadangan transaksi ini dijangka selesai pada suku pertama 2027, tertakluk kepada kelulusan pemegang saham serta pemenuhan syarat-syarat lain yang perlu dipenuhi terlebih dahulu di bawah perjanjian tersebut. Sehingga urus niaga ini selesai, EFD kekal sebagai sebahagian daripada Kumpulan dan akan terus beroperasi seperti biasa.

-tamat-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi: -

Juliana Jamaluddin
juliana.jamaluddin@wascoenergy.com
+6012 340 9438

Natasha Brand
natasha.brand@wascoenergy.com
+6016 916 8598

Mengenai Wasco Berhad

Wasco Berhad ialah penyedia global penyelesaian infrastruktur tenaga dengan operasi merangkumi 11 negara. Teras perniagaan Kumpulan meliputi perkhidmatan saluran paip, kejuruteraan dan fabrikasi serta penyelesaian bioenergi, dalam menyokong pembangunan infrastruktur tenaga konvensional dan berkaitan peralihan tenaga di peringkat global.

Platform bersepadu Wasco menggabungkan kepakaran kejuruteraan, keupayaan fabrikasi serta penyelesaian infrastruktur khusus bagi menyokong pelaksanaan projek tenaga kompleks merentasi pelbagai peringkat rantaian nilai industri tenaga.

Untuk maklumat lanjut, layari www.wascoenergy.com.

**Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Siaran Media ini, rujukan utama untuk tujuan ketepatan fakta adalah berpandukan pada Siaran Media versi Bahasa Inggeris.*